

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

# KKM rekod 45 kes penyakit berkaitan haba, 2 kematian

Orang ramai diminta pastikan tahap hidrasi mencukupi, elak aktiviti luar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 45 kes penyakit berkaitan haba direkodkan Kementerian Kesihatan (KKM) setakat semalam, membabitkan 33 kes kelesuan haba, 11 kes strok haba dan satu kes kejang haba, berikutan cuaca panas ketika ini sehingga Sabtu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata secara kumulatif, dua kes kematian akibat strok haba turut dilaporkan dalam tempoh sama.

Beliau berkata, kes kematian itu membabitkan seorang lelaki berusia 22 tahun dan kanak-kanak lelaki tiga tahun di Kelantan.

"Pada masa ini, empat kes masih mendapat rawatan di hospital iaitu satu kes strok haba yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiga kes dirawat di wad biasa, yang terdiri daripada dua kes strok haba dan satu kes kelesuan haba. Kes-kes lain sudah sembuh dan dibenarkan keluar.

"Kes dirawat di ICU membabitkan seorang lelaki berusia 24



Murid menggunakan kipas mini mudah alih berikutan cuaca panas ketika tinjauan di sekitar Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

tahun, dimasukkan ke ICU Hospital Port Dickson sejak 10 Mac lalu dan sudah dipindahkan ke ICU Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, pada 5 April lalu," katanya.

Bagi keseluruhan 45 kes itu, beliau berkata, pecahan setiap negeri adalah masing-masing lapan kes di Perak dan Kedah, enam di Selangor serta masing-masing lima di Johor, Negeri Sembilan dan Pahang.

"Empat kes di Sabah, dua kes di Perlis, satu kes di Pulau Pinang dan satu kes di Kelantan," katanya.

#### Terus langkah berjaga-jaga

Sehubungan itu, katanya, KKM menasihatkan semua pihak meneruskan langkah berjaga-jaga dengan memastikan tahap hidrasi yang mencukupi dan mengurangkan aktiviti fizikal lasak serta aktiviti di luar rumah pada

musim cuaca panas sekarang.

"Orang awam juga diminta agar mengelakkan diri daripada terdedah kepada cuaca panas, banyakkann berteduh dan berehat lebih kerap ketika cuaca panas, memilih untuk melakukann ziarah pada waktu kurang panas atau waktu malam, terutama ketika mengunjungi sanak saudara dan rakan taulan ketika perayaan," katanya.

Katanya, orang awam juga boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai status cuaca panas di laman sesawang METMalaysia (<https://www.met.gov.my/iklim/status-cuaca-panas/>) dan langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan kesan kesihatan akibat cuaca panas di laman sesawang KKM.

Kelmarin, status cuaca panas dikeluarkan METMalaysia, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam merekodkan beberapa kawasan berada pada Tahap Amaran Satu.

Ia membabitkan seluruh negeri Perlis, Kedah (Pulau Langkawi, Kubang Pasu, Kota Setar, Pendang, Yan, Kuala Muda, Kulim, Bandar Baharu, Baling, Padang Terap, Sik), Pulau Pinang (Timur Laut), Perak (Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta), Kelantan (Gua Musang), Pahang (Raub), Sarawak (Limbang) dan Sabah (Tenom, Beaufort, Tuaran).

Satu kawasan direkodkan berada di Tahap Amaran Dua sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut iaitu Pokok Sena, Kedah.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

# Lazada diarah padam segera iklan, jualan gula-gula ada tadalafil

**KKM nasihat orang ramai henti guna produk, dapatkan nasihat profesional**

Oleh Azhar Shahrulizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengarahkan platform jualan dalam talian, Lazada, memadamkan kandungan iklan dan penjualan produk gula-gula didapati mengandungi tadalafil, dengan serta-merta.

KKM dalam satu kenyataan semalam memaklumkan, siasatan Program Keselamatan dan Kua-

**KKM siasat gula-gula ginseng ada tadalafil**

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu kenyataan hari ini mengarahkan platform jualan dalam talian, Lazada, memadamkan kandungan iklan dan penjualan produk gula-gula didapati mengandungi tadalafil, dengan serta-merta.

*Keratan akhbar BH kelmarin.*

liti Makanan (PKKM) terhadap gula-gula ginseng dari Malaysia iaitu 'Kingu Ginseng Candy' di-kesan mengandungi tadalafil selepas mengambil maklum laporan nasihat Agensi Makanan Singapura (SFA)

"Siasatan mendapati label produk itu tidak mematuhi kehendak pelabelan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu tiada nama dan alamat pengilang, pembungkus, pengedar, empunya hak untuk mengilang

ataupun pengimport.

"Tadalafil adalah sejenis ubat yang digunakan untuk merawat kegagalan fungsi erektil atau mati pucuk. Ubat mengandungi tadalafil hanya boleh dibekalkan oleh doktor atau diperoleh dari farmasi dengan preskripsi doktor," katanya.

## Risiko hilang penglihatan

KKM turut memberi amaran penggunaan tadalafil tanpa pengawasan doktor boleh mengakibatkan kesan kesihatan serius seperti pengurangan atau kehilangan penglihatan dan pendengaran.

"Selain itu, penurunan tekanan darah mendadak sehingga peringkat berbahaya dan kesan terhadap sistem kardiovaskular seperti strok dan serangan jantung.

"Status keselamatan produk di

pasaran termasuk makanan disyaki diaduk dengan racun berjadual termasuk tadalafil sentiasa dipantau.

"Sejak 2018 sehingga kini, daripada 1,575 sampel produk yang diambil kerana disyaki mengandungi racun berjadual, sebanyak 32 sampel (2.03 peratus) didapati mengandungi racun berjadual yang tidak dibenarkan di bawah Peraturan Peraturan Makanan 1985.

"Tindakan penguatkuasaan diambil ke atas syarikat dan produk terbabit," katanya.

KKM berkata, menurut Seksyen 13 Akta Makanan 1983, mana-mana orang yang menyedai atau menjual makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan adalah melakukan kesalahan.

"Apabila disabitkan kesalahan, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya," katanya.

Sehubungan itu, KKM juga mengarahkan peniaga termasuk peniaga dalam talian yang mempunyai stok produk ini diarahkan untuk menghentikan serta-merta penjualan produk berkaitan.

"Semua platform e-dagang dan media sosial diminta menghentikan penyiaran kandungan iklan makanan itu serta-merta.

"Orang ramai yang menggunakan produk ini perlu menghentikannya dan mendapatkan nasihat serta rawatan ahli profesional kesihatan.

"KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam keselamatan pengguna," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

## Penolong jurutera saman hospital dakwa cuai punca hilang dua kaki

**Shah Alam:** Seorang penolong jurutera Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mendakwa dirinya menjadi orang kelainan upaya (OKU) akibat kecuai doktor bedah sebuah hospital terkemuka.

Susulan itu, Isman Ibrahim, 41, memfailkan saman terhadap hospital berkenaan di Mahkamah Tinggi kerana menyebabkannya kehilangan kedua-dua kaki, lima tahun lalu.

"Saya masuk hospital sebab apendiks tetapi sebab doktor cuai, kaki saya hilang. Prosedur pembedahan tidak berjalan dengan baik apabila doktor menebuk dan mengikat saluran darah utama sehingga menyebabkan kedua-dua kaki menjadi hitam atau gangren.

"Hospital itu kemudian memindahkan saya ke hospital swasta lain. Pemeriksaan lanjut menyebabkan kaki saya terpaksa dipotong bagi menyelamatkan nyawa," katanya ketika ditemui pemberita selepas prosiding kes saman itu di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Hazi-zah Kassim semalam.

Isman berkata, pematongan kedua-dua kaki dibuat hingga paras paha, selain perlu menjalani pembedahan pintasan saluran darah.

"Ketika semua ini terjadi, isteri saya mengandung anak keempat. Hati siapa tidak sedih apabila melihat diri sudah tidak seperti dulu.

"Selama 10 hari terpaksa sorokkan nasib yang menimpa saya daripada tiga anak lain sebelum



Isman (berkerusi roda) bersama peguam di Mahkamah Tinggi, Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

mereka menangis melihat keadaan terbaharu saya," katanya.

Selain terpaksa dipotong kaki, kakitangan MBSA itu berkata, kecuai pakar bedah hospital berkenaan menyebabkannya menderita sakit saraf teruk setiap dua hari.

"Tidur saya tidak lagi lena sejak lima tahun lalu. Setiap dua hari bermula jam 2 pagi saya akan mengalami kesakitan serta ada bahagian badan terganggu dan terpaksa bergantung sepe-

nuhnya kepada ubat.

"Saya nekad bawa kes ini ke mahkamah untuk menunjukkan dan membongkar isu kecuai pihak hospital. Saya pasti banyak kes didiamkan dan berharap mereka yang senasib tampil ke depan," katanya.

### Failkan semula saman

Sementara itu, peguam bela Isman, Firhat Muhd Fikri Isman, memaklumkan prosiding terabit sepatutnya untuk perbicara-

an, namun pihaknya akan memfailkan semula tuntutan saman seperti dipersetujui anak guam.

"Tuntutan saman awal adalah RM55 juta dan pemfailan semula bagi memastikan kebajikan anak guam terjamin, termasuk mendapatkan kos sebenar bagi kaki palsu.

"Kita mahu anak guam menjalani kehidupan seperti biasa. Pemfailan semula tuntutan akan dibuat dalam tempoh sebulan ini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : LOKAL

## STROK HABA: DUA KEMATIAN, 45 KES DILAPOR SETAKAT KELMARIN

# Empat mangsa masih dirawat

### Putrajaya

**S**ebanyak 45 kes penyakit berkaitan haba dilaporkan di seluruh negara setakat kelmarin melibatkan 33 kes kelesuan haba, 11 kes strok haba dan satu kes kejang haba.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata lapan kes masing-masing dilaporkan di Perak dan Kedah manakala enam di Selangor.

Beliau berkata lima kes masing-masing dicatatkan di Johor, Negeri Sembilan dan Pahang, empat kes direkodkan di Sabah, dua kes

di Perlis dan masing-masing satu kes di Pulau Pinang dan Kelantan.

"Secara kumulatif, dua kes kematian akibat strok haba dilaporkan. Kes kematian pertama ialah seorang lelaki berumur 22 tahun dan kes kematian kedua melibatkan seorang kanak-kanak lelaki berumur tiga tahun di Kelantan," katanya.

Dr Muhammad Radzi berkata pada masa ini, terdapat empat kes yang masih mendapat rawatan di hospital iaitu satu kes strok haba yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiga kes dirawat di wad biasa

yang terdiri daripada dua kes strok haba dan satu kes kelesuan haba.

"Kes-kes lain sembuh dan didiscaj. Kes yang dirawat di ICU melibatkan lelaki berumur 24 tahun di Negeri Sembilan telah dimasukkan ke ICU Hospital Port Dickson semenjak 10 Mac lepas dan telah dipindahkan ke ICU Hospital Tuanku Jaafar, Seremban pada 5 April," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr Muhammad Radzi berkata Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan agar semua pihak meneruskan langkah berjaga-jaga dengan memastikan ta-

hap hidrasi yang mencukupi dan mengurangkan aktiviti fizikal lasak, serta aktiviti-aktiviti di luar rumah pada musim cuaca panas sekarang.

Beliau meminta orang awam mengelakkan diri terdedah kepada cuaca panas, banyakkian berteduh dan berehat lebih kerap semasa cuaca panas, memilih untuk melakukan ziarah pada waktu kurang panas atau waktu malam terutamanya ketika mengunjungi sanak saudara dan rakan taulan semasa perayaan.

KKM menjalankan pemantauan penyakit berkaitan cuaca panas susulan

amaran dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) semalam bahawa kawasan berada pada Tahap Amaran 1 iaitu berjaga-jaga dengan suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut adalah di seluruh Perlis; Kedah melibatkan Pulau Langkawi, Kubang Pasu, Kota Setar, Pendang, Yan, Kuala Muda, Kulim, Bandar Baharu, Baling, Padang Terap, Sik; dan Timur Laut di Pulau Pinang.

Turut terjejas ialah Perak merangkumi Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Kinta; Gua Musang di Kelantan;

Raub di Pahang; Limbang di Sarawak; serta Sabah membabitkan Tenom, Beaufort dan Tuaran.

Satu kawasan direkodkan berada pada Tahap Amaran 2 iaitu gelombang haba dengan suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut iaitu Pokok Sena di Kedah.

Pada masa yang sama, METMalaysia juga menjangkakan cuaca kering dan panas dengan suhu melebihi 35°C masih berlaku di kebanyakan tempat di Semenanjung dan Sabah hingga pertengahan April 2024.



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : LOKAL



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NEGARA

Negara! 13

Kosmo! SELASA 16 APRIL 2024

Penolong jurutera MBSA dakwa kecuaiian hospital punca dirinya jadi OKU

# Tuntut RM55 juta selepas hilang kaki

Oleh MOHD. YUÑUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – "Saya masuk hospital sebab apendiks, tapi sebab mereka cuai, kaki saya hilang."

Itu luahan kekecewaan seorang penolong jurutera Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Isman Ibrahim, 41, yang menjadi orang kelainan upaya (OKU) selepas mendakwa menjadi mangsa kesilapan doktor bedah.

Ekoran itu, Isman membuat tuntutan saman sebanyak RM55 juta demi keadilan termasuk pembelian kaki palsu.

Kata Isman, insiden itu berlaku selepas dia menjalani pembedahan di sebuah hospital selepas pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer mendapatinya menghidap apendiks pada Jun 2019.

"Prosedur pembedahan itu tidak berjalan baik apabila doktor yang membedah saya disyaki telah menebuk dan mengikat saluran darah utama sehingga menyebabkan kedua-dua kaki saya menjadi hitam.

"Hospital itu kemudiannya telah memindahkan saya

ke sebuah hospital swasta lain. Hasilnya pemeriksaan lanjut menyebabkan kaki saya terpaksa dipotong bagi menyelamatkan nyawa," katanya di Mahkamah Shah Alam, di sini semalam.

Dakwanya, perkara itu diketahui apabila perbualan yang dirakamnya dengan salah seorang pakar bius yang terlibat dalam pembedahan tersebut memaklumkan 90 peratus kemungkinan disebabkan cuai ter-cucuk pada salur darah itu.

Ujarnya, pemotongan kedua-dua kaki dibuat pada paras paha selain perlu menjalani pembedahan pintasan saluran darah kekal bagi memastikan bahagian kekal dua kakinya boleh bergerak.

"Semasa semua ini terjadi, isteri saya tengah mengandung anak keempat kami. Hati siapa tak sedih apabila melihat diri sudah tidak seperti dulu," ujarnya.

Menurutnya, susulan kecuaiian pakar bedah hospital itu juga mengakibatkannya mengalami sakit saraf yang amat sangat selama tiga jam selang dua hari.

"Tidur saya tidak lagi sempurna sejak lima tahun lalu.

Setiap selang dua hari bermula pukul 2 pagi saya akan mengalami kesakitan. Bahagian alat kelamin saya juga terganggu.

"Saya nekad bawa kes ini ke mahkamah untuk membongkarkan isu ini," tegasnya.

Peguam Firhat Muhd. Fikri mewakili Isman memaklumkan prosiding yang berlangsung di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Hazizah Kassim semalam sepatutnya bagi perbicaraan, namun pihaknya akan memfailkan semula tuntutan saman seperti dipersetujui anak guamnya.

"Tuntutan saman awal kita adalah RM55 juta dan pemfailan semula bagi memastikan kebajikan anak guamnya terjamin. Ini termasuk dalam mendapat kos sebenar bagi kaki palsu daripada beberapa pengeluar.

"Kita mahu anak guam menjadi senormal yang boleh bagi dia menjalani kehidupannya. Pemfailan semula tuntutan akan dibuat dalam tempoh sebulan ini," katanya.

Pada prosiding itu, hospital tersebut sebagai defendan diwakili peguam T. Tharumarajah.



ISMAN yang hilang kedua-dua kaki ketika hadir di Mahkamah Sivil Shah Alam semalam. – AFIQ RAZALI



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

# RM200j naik taraf wad HKL

Oleh HAFIZ SAIDINA  
hafiz.saidina@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kementerian Kesihatan menganggarkan kerja menaik taraf wad yang dilengkapi sistem pendingin hawa di Hospital Kuala Lumpur (HKL) menelan belanja kira-kira RM200 juta dan dijadual dimulakan tahun depan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerja menaik taraf tersebut untuk memberi penyelesaian kepada pesakit dan juga petugas di hospital yang dibina sejak 1870-

## Kerja-kerja bermula tahun depan, wad dilengkapi pendingin hawa

an dan menjadi rujukan utama rakyat.

Menurut beliau, KKM berhasrat memasang sistem pendingin hawa di wad sedia ada dengan pemasangan akan dida-

hului dengan kerja mekanikal dan elektrik agar dapat menampung pemasangan pendingin hawa.

"Dalam masa sama, kerja pemasangan kipas dan memperbanyakkan bukaan tingkap akan dibuat bagi memastikan pengudaraan di wad lebih efisien untuk kesejahteraan pesakit dan petugas kesihatan," kata beliau.

Dr. Dzulkefly berkata, pada masa ini, HKL terus menjalani proses penambahbaikan menerusi pembinaan infrastruktur baharu dan menaik taraf infrastruktur sedia ada agar sejajar dengan perkembangan perkh-

idmatan kepakaran serta keperluan untuk mendayaupayakan lagi teknologi dan sistem peralatan perubatan di negara ini.

"Cadangan pembinaan blok-blok baharu ini turut dirancang tetapi dalam tempoh 15 hingga 20 tahun lagi (RMK12 - RMK15)," ujarnya.

Bagaimanapun, menurut beliau, untuk menaik taraf blok utama HKL ia memerlukan kerja-kerja sistem infrastruktur secara menyeluruh bagi memastikan persekitaran di hospital itu sesuai dengan keperluan semasa.

"Sebagai contoh kerja-kerja

menaik taraf sistem elektrik dan keselamatan, gas perubatan, sistem perpaipan air, lif, telekomunikasi, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan pembangunan juga perlu seiring dengan blok utama dinaik taraf," katanya.

Oleh itu, Dr. Dzulkefly berkata, pelan pembangunan semula HKL dibuat tiga peringkat yang membabitkan dua komponen bagi memastikan perkhidmatan sedia ada tidak terjejas malah terus dapat disampaikan kepada rakyat semasa kerja menaik taraf dilakukan.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## RM200j naik taraf wad HKL

**Dari muka 1**

“Pelan ini dibahagikan kepada dua komponen iaitu perancangan pembinaan blok baharu dan menaik taraf blok utama dengan cadangan kerja menaik taraf wad di bangunan utama telah disenaraikan dalam permohonan Rolling Plan Kelima (RP5) 2025 dengan anggaran kos sebanyak RM200 juta kepada Kementerian Ekonomi,” kata beliau.

Selain itu, beliau berkata, antara kerja-kerja naik taraf yang telah diluluskan di dalam RP4 pada 2024 ialah kerja awalan penyediaan skop projek dan anggaran kos pembangunan bagi cadangan projek blok tambahan wad, Unit Rawatan Rapi (ICU) dan Institut Kaji Saraf Tunku Abdul Rahman (IKTAR).

“Kerja-kerja menaik taraf ini melibatkan 12 wad dan sebahagian Jabatan Sokongan Klinikal di bangunan utama,” katanya.

Kata beliau, pembinaan blok baharu akan menyumbang kepada tambahan

bilangan katil serta prasarana hospital yang lebih kondusif dan selesa bagi rawatan pesakit, persekitaran kerja petugas kesihatan serta keselesaan pelawat.

Kata beliau, kementerian juga bercadang akan menaik taraf blok wad bersalin sedia ada dan maklumat untuk kerja-kerja menaik taraf sedang dilakukan.



Pada 11 April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan lawatan ke atas pesakit di HKL berkata, kerajaan akan meneliti keperluan untuk menyegerakan penambahbaikan wad kelas tiga di hospital itu bagi memberi keselesaan kepada pesakit, petugas dan pelawat.

“Kita lihat sendiri macam kawasan wad kelas tiga itu panas sikit dan sesak, dan Menteri (Dr Dzulkefly) akan bawa untuk perhatian Jemaah Menteri agar kita segerakan mana yang perlu,” kata Anwar.

Susulan itu, Dr. Dzulkefly berkata, kementerian diterajui akan menyegerakan kerja menaik taraf dan penyelenggaraan terutamanya di wad kelas ketiga seperti dihasrat Perdana Menteri

“Pihak KKM akan membuat perancangan segera untuk memasang pendingin hawa split unit untuk jangka masa pendek, manakala kerja-kerja penilaian mekanikal dan elektrik dilakukan untuk



**Cadangan kerja menaik taraf wad di bangunan utama disenaraikan dalam permohonan Rolling Plan Kelima 2025 dengan anggaran kos RM200 juta kepada Kementerian Ekonomi.”**

**DR. DZULKEFLY AHMAD**

pemasangan centralised air-conditioning di wad-wad berkenaan.

“Pihak kami juga sedang berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan untuk mendapatkan dana seberapa segera bagi membolehkan kami menyegerakan melaksanakan pemasangan pendingin hawa split seperti di arah PMX dgn seberapa segera,” kata beliau.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Saman hospital RM55 juta akibat hilang dua kaki

**SHAH ALAM:** "Kecuaian itu mengakibatkan kedua-dua kaki ini hilang sedangkan saya menghidap apendiks."

Demikian luah seorang penolong jurutera Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang menjadi orang kurang upaya (OKU) selepas mendakwa menjadi mangsa kesilapan doktor bedah sebuah rangkaian hospital terkemuka di negara ini, lima tahun lalu.

Isman Ibrahim, 41, berkata, detik hitam itu berlaku selepas menjalani pembedahan susulan pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer mendapati dirinya menghidap apendiks pada Jun 2019.

"Prosedur pembedahan tidak berjalan lancar apabila doktor yang membedah saya disyaki menebuk dan mengikat saluran darah utama hingga menyebabkan kaki menjadi hitam atau *gangrene*.

"Hospital itu kemudian memindahkan saya ke sebuah hospital swasta lain dan pemeriksaan lanjut menyebabkan kaki



**ISMAN Ibrahim (depan) ketika hadir di Mahkamah Sivil Shah Alam, Selangor semalam bagi tuntutan saman terhadap rangkaian hospital termuka yang didakwa menyebabkannya kehilangan kedua-dua belah kaki. - UTUSAN/AFIQ RAZALI**

terpaksa dipotong bagi menyelamatkan nyawa," katanya di Mahkamah Shah Alam di sini, semalam.

Dakwanya, pematongan kaki dibuat pada paras paha dan perlu menjalani pembedahan pintasan

saluran darah kekal bagi memastikan bahagian kekal dua kakinya boleh bergerak.

"Pada waktu itu, isteri saya sedang hamil anak keempat dan hati mana tidak sedih melihat diri ini sudah tidak seperti dulu.

Selama 10 hari juga saya terpaksa menyembunyikan perkara itu daripada tiga anak lain," ujarnya.

Menurut Isman, kecuaiannya turut mengakibatkan dia mengalami sakit saraf selama tiga jam selang dua hari.

Sementara itu, Peguam Firhat Muhd. Fikri yang mewakili Isman berkata, prosiding di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Hazizah Kassim sepatutnya bagi perbicaraan namun pihaknya memfailkan semula tuntutan saman seperti dipersetujui anak guamnya.

"Tuntutan saman awal berjumlah RM55 juta dan pemfailan semula bagi memastikan kebebasan anak guam terjamin. Ini termasuk mendapat kos sebenar bagi kaki palsu daripada beberapa pengeluar.

"Kita mahu anak guam menjadi senormal mungkin kehidupannya. Pemfailan semula tuntutan itu akan dibuat dalam tempoh sebulan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 32  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Orang ramai perlu sentiasa peka penyakit berkaitan haba

Oleh **AIMAN ALI**  
aiman.ali@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Orang ramai dinasihatkan sentiasa peka tentang penyakit berkaitan haba disebabkan cuaca panas ketika ini.

Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, orang ramai juga perlu mengetahui cara mengelak dan mengurangkan risiko penyakit berkaitan haba.

"Bagi sektor pekerjaan, mereka perlu peka isu ini kerana mereka terdedah dengan isu sama. Sebagai contoh, langkah pencegahan adalah dengan mengurangkan masa bekerja di luar.

"Selain itu, pemasangan penyaman udara atau kipas ventilasi boleh dilakukan di pejabat atau kilang dan memantau suhu sekitar pejabat atau ruang kerja," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, sebanyak 45 kes penyakit berkaitan haba dilaporkan setakat kelmarin hasil pemantauan dijalankan Kementerian Kesihatan (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, jumlah itu melibatkan 33 kes kelesuan haba, 11 kes strok haba dan satu kes kejang haba.

Menurut Muhammad Radzi, kes-kes berkenaan direkodkan di Perak dan Kedah sebanyak lapan kes, Selangor (6), Johor, Negeri Sembilan dan Pahang (5), Sabah (4), Perlis (2) selain masing-masing satu kes di Pulau Pinang dan Kelantan.

Tambah Sharifa Ezat, kerajaan juga digalakkan memberi subsidi elektrik kerana penggunaan kipas, penyaman udara yang meningkat semasa musim panas ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihak sekolah juga perlu memainkan peranan dalam melaksanakan langkah pencega-

han jika suhu melebihi 36 darjah Celsius.

"Pihak sekolah boleh mengambil langkah mengelakkan pelajar melakukan aktiviti di luar jika panas. Jika suhu berterusan maka elok sekolah ditutup sementara.

"Pelajar yang kurang sihat disarankan tidak hadir ke sekolah kerana suhu panas boleh memburukkan keadaan pelajar atau komorbidity warga emas," katanya.

Ujarnya, sekolah atau tempat kerja perlu disediakan bilik air atau tempat sesuai untuk mandi jika berhadapan dengan pelajar atau pekerja yang kelesuan haba.

"Mereka juga patut diberi kesedaran dan penerangan cara-cara untuk mengelakkan suhu melampau seperti direkodkan. Terutama sekali pemandu, penunggang motosikal, pekerja kilang atau bengkel yang mungkin mempunyai suasana kerja tidak sihat dan panas," jelasnya.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 5  
 RUANGAN : NEWS / NATION

LACED WITH E.D. DRUG

## Ministry orders Lazada to remove tainted candy

**KUALA LUMPUR:** The Health Ministry has instructed e-commerce platform Lazada to stop the sale of Kingu Ginseng Candy, which is found to contain tadalafil, a prescription drug to treat erectile dysfunction.

In a statement yesterday, the ministry said its Food Safety and Quality Programme division had initiated an investigation and preliminary screening found that the product was so far only sold on Lazada.

"The investigation also found that the product label did not comply with the Food Regulations Act 1985. There was no name and address of the manufacturer/packer/distributor/right holder for manufacturing/importing.

"Lazada has since been instructed to immediately remove the advertisement and stop the sale of the product," it said.

The ministry also called for any traders, including online sellers, who had stocks of the product to cease selling it.

People who have consumed the candy should also seek advice and treatment from healthcare professionals.



People who have consumed the Kingu Ginseng Candy should seek advice and treatment from healthcare professionals.  
 PIC FROM SOCIAL MEDIA

It was reported that the Singapore Food Agency had advised consumers not to buy or consume the candy after detecting tadalafil in its contents.

The agency said the product, which originated from Malaysia, was marketed on multiple local e-commerce platforms as a male sexual enhancer.

The use of tadalafil without medical supervision could cause adverse effects, such as vision and hearing loss, dangerous drop in blood pressure and cardiovascular complications like stroke

and heart attacks.

The ministry gave its assurance that it was continuously on the lookout for such products.

"Since 2018, out of 1,575 product samples taken due to suspected contamination with scheduled poisons, 32 samples (2.03 per cent) were found to contain scheduled poisons not permitted under the Food Regulations 1985.

"Enforcement action have been taken against the companies and manufacturers of the products involved," it said.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATION

## Heat keeps doctors and cold drinks stalls busy

**GEORGE TOWN:** More people are falling sick here, no thanks to the extreme heat with temperatures rising and no rain in sight.

Many have been seeking medical attention for common ailments like colds and sore throats but there have been more serious cases like heat exhaustion and heatstroke.

"One can easily fall ill because of the heat. It usually causes sore throats and sniffles," said

Universiti Sains Malaysia's Bertam medical centre family medicine specialist Dr Mastura Mohd Sopian who noted an increase in the number of patients with coughs and colds.

"My general advice is to avoid staying under the hot sun. Stay hydrated and keep water with you, if possible. Limit your outdoor activities," she said.

Doctors are not the only ones being kept busy.

Stalls selling cold drinks and desserts are also experiencing brisk business, as many customers were willing to wait in line to get their hands on a cold treat.

Koay Beng Tatt, 40, who runs a stall selling various cold desserts along Weld Quay, said the most popular one at his stall is "Aiyu jelly", made with a kind of fig, lychee, fresh lemon and honey topped with shaved ice.

"During the Raya break, we had

a queue of customers from all over Malaysia.

"The weather has been very hot and anyone selling cold drinks will see brisk business," he said.

Koay, whose family has been in business for generations, said their home-made cendol was another popular dessert.

Ong Bee Peng, 48, who works at a shop selling herbal drinks, said many people came with ulcers, dry throats, and sore throats

throughout the day.

"We give them khor teh (bitter tea), and sometimes we add herbal powder to strengthen the dose.

"If they complain of feeling heaty, then we give them luo han guo (monk fruit), which has a cooling effect.

"Otherwise, we offer an array of teas like chrysanthemum and hawthorn, which are thirst quenchers," she said.